

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHAN A/L THANGARASU**

**TARIKH : 23 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN NO. 85**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan mempertimbangkan sebarang insentif khas terutamanya dari segi pengecualian permit bagi pemandu E-hailing yang terkesan pendapatan akibat penularan wabak COVID-19 bagi tahun akan datang.

**JAWAPAN**

Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk membantu semua pemandu kenderaan pengangkutan awam termasuk pemandu-pemandu teksi yang terkesan akibat pandemik COVID-19.
2. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah Pakej Prihatin yang telah diumumkan oleh Kerajaan pada 27 Mac 2020. Pakej ini bertujuan membantu semua rakyat yang terkesan dengan penularan wabak COVID-19. Antara bantuan yang diumumkan adalah bantuan tunai secara one-off sebanyak RM500 kepada pemandu e-hailing.
3. Mengambil kira cabaran yang dihadapi oleh pemandu-pemandu bagi menjana pendapatan dalam suasana semasa, Kementerian Pengangkutan pula telah memberi kebenaran khas kepada semua kenderaan perkhidmatan awam, tambahan satu tahun secara automatik kepada had usia maksima untuk didaftarkan atau penggantian, tertakluk kepada kelulusan pemeriksaan PUSPAKOM atas kenderaan tersebut.
4. Ini bermakna, mana-mana kenderaan perkhidmatan awam termasuk terksi atau e-hailing, yang telah mencapai had usia maksima untuk didaftarkan dalam tahun 2020 (iaitu dalam tempoh PKP) dan perlu diganti, akan diberikan tambahan satu tahun lagi secara automatik. Dengan pemberian tambahan had usia automatik satu tahun ini, semua

pengusaha dan pemilik dapat menanggukkan penggantian kenderaan terbabit untuk satu tahun lagi.

5. Kelulusan Rang Undang-undang (RUU) Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (Covid-19) 2020 yang telah diluluskan juga akan membantu semua pemandu kenderaan pengangkutan awam dan barangan termasuk pemandu teksi untuk menjana pendapatan tambahan dengan kebenaran untuk menyediakan perkhidmatan lain seperti penghantaran barang/*parcel* sekiranya tidak membawa penumpang. Kelulusan sementara ini hanyalah untuk sepanjang tempoh PKP berkuatkuasa dan bertujuan mewujudkan ruang-ruang tambahan kepada pemandu terlibat untuk menambah pendapatan mereka.

Sekian, terima kasih.